

Penjelasan Dr Mahathir hilangkan kegelisahan rakyat

KENYATAAN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa setelah berkhidmat hampir 21 tahun sebagai Perdana Menteri dan Presiden Umno serta menghabiskan tiga suku daripada usianya dengan parti, beliau berasa tiba masanya untuk bersara sudah pasti melegakan rakyat. Ia tentunya menghilangkan keraguan jika ada mengenai sebab di sebalik keputusan beliau mahu meletak jawatan itu. Tanda tanya dan kegelisahan rakyat itu tidak dapat dielakkan kerana Dr Mahathir dengan penuh emosi mengumumkan pengunduran beliau daripada jawatan kerajaan dan parti di akhir ucapan penutup perhimpunan agung Umno, 22 Jun lepas tanpa memberi sebarang petanda sebelum ini. Pengumuman itu bukan saja mengejutkan pemimpin dan ahli Umno di perhimpunan itu tetapi juga rakyat jelata yang menonton siaran langsung persidangan itu menerusi televisyen.

Sekembalinya beliau daripada percutian di Itali, semalam, Dr Mahathir memperjelaskan bahawa keputusan itu sebenarnya tidak dibuatnya secara mendadak tetapi setelah berbincang dengan beberapa pemimpin dan kawan termasuk Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Tan Sri Khalil Yaakob. Cuma semua yang dibawa berbincang mengenai perkara itu mahu beliau terus memegang jawatan seboleh-bolehnya sehingga akhir hayat. Apa yang pasti menggembirakan adalah walaupun bakal berundur menjelang Oktober tahun depan, iaitu selepas mempengerusikan Sidang Puncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Dr Mahathir memberi jaminan beliau tetap akan berkhidmat dalam Umno untuk mengukuhkannya dan menjelaskan isi perjuangan parti serta dasar kerajaan dan cara pemerintahan dilaksanakan.

Sebenarnya ini bukanlah pertama kali Dr Mahathir mahu meletak jawatan, kerana beliau pernah berhasrat hendak berundur pada 1998 selepas Sukan Commonwealth, tetapi menanggukannya kerana keadaan tidak mengizinkan terutama ketika negara dilanda kegawatan ekonomi. Begitu juga pada 1999, Dr Mahathir melupakan sekali lagi keinginan bersara memandangkan pelbagai masalah dihadapi parti ketika itu. Tetapi kali ini dengan keadaan negara bertambah mantap, sektor ekonomi semakin pulih serta menunjukkan akan kembali berkembang manakala Malaysia pula sudah tidak lagi dipandang serong oleh Amerika atau negara Barat lain membuat Dr Mahathir berasa masanya adalah sesuai bagi beliau menyerahkan tampuk pimpinan kepada timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Dr Mahathir yakin Abdullah yang mendapat sokongan penuh daripada barisan kepimpinan Umno dan parti-parti komponen Barisan Nasional lain mampu membawa negara mencapai tahap kemajuan yang lebih cemerlang.

Penjelasan Dr Mahathir ini tidak syak lagi akan menjamin peralihan kuasa berjalan secara lancar dalam keadaan aman dan tenteram. Kewujudan keadaan ini penting kerana peralihan pucuk pimpinan kerajaan biasanya menyebabkan timbul pelbagai masalah, keadaan huru-hara, perebutan kuasa dan sebagainya seperti berlaku di banyak negara lain. Malah dalam pertemuan dengan barisan pemimpin Umno sehari selepas membuat pengumuman itu, mereka telah memberi jaminan untuk tidak mengadakan perebutan bagi jawatan Timbalan Presiden Umno dan Timbalan Perdana Menteri sebaik saja Abdullah mengambil-alih jawatan daripada Dr Mahathir. Abdullah juga sudah menyatakan kesediaannya untuk memikul tanggungjawab menerajui negara. Selain barisan pemimpin Umno itu, apa yang melegakan Dr Mahathir adalah ramainya golongan pelapis dalam parti yang menjamin Umno dapat dihidupkan secara berterusan. Gabungan pelbagai faktor positif inilah yang mendorong beliau membuat keputusan mengejut itu dan bukannya kerana perkara-perkara lain yang digembar-gemburkan berbagai pihak.